

Penuntut Brunei sertai Program TV di Indonesia

MPK Bunut bertahlil di Kubah Makam Diraja



MAJLIS Tahlil AJK / MPK Kampung Bunut di Kubah Makam Diraja.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Bunut

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Mei. - Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kampung Bunut Perpindahan, Kampung Tasek Meradun-Bunut, Kampung Madewa-Telanai bersama Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Kampung Bunut telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Arwah di Kubah Makam Diraja di ibu negara baru-baru ini sempena menjelangnya bulan Ramadan yang mubarak.

Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir bersama di majlis tersebut ialah Jemaah Penasihat, Penghulu, Ketua-ketua Kampung bagi kampung-kampung yang terlibat, ahli-ahli jawatankuasa MPK dan Takmir Masjid serta penduduk-penduduk kampung.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Mei. - Negara Brunei Darussalam menghantar enam peserta pertama untuk mewakili negara bagi menyertai program Aksi, Akademi Sahur Indonesia yang akan disiarkan di Stesen TV Indosiar sepanjang bulan Ramadan nanti.

Enam peserta tersebut merupakan penuntut-penuntut dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terdiri dari Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Haji Anwari, Awang Md Khairul Wafiy bin Khairil Anuar, Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Awang Md Fuad bin Matahir, Awang Adi Aismat bin Haji Lamat dan Awang Md Hajib Sarhan bin Harkani.

Rombongan diketuai oleh Ketua Penyelaras dari Octove Company,

Affizah Suhaili.

AKSI Asia merupakan rancangan bagi mencari daie yang berkebolehan dalam menyampaikan dakwah dengan baik dan berilmu.

Di samping itu juga, program ini adalah salah satu platform untuk para belia mengasah bakat mereka terutama sekali di dalam bidang menyampaikan dakwah Islam.

Rancangan ini akan menampilkan empat buah negara iaitu negara tuan rumah, Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura.

Di samping itu juga, Brunei akan menghantar dua juri yang akan memberikan komen dan penilaian mereka berdasarkan persembahan peserta itu nanti iaitu pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Isham Ismail dan Ustaz Hanafi bin Haji Zaini.

Para peserta berkenaan telah dipilih melalui uji bakat yang telah dijalankan pada 12 Mei lalu dengan berdasarkan cara pengisian dan penyampaian mereka.

Ketika ditemui oleh Pelita Brunei, Awang Mohammad Rif'at Atiyah menjelaskan, para peserta membuat persediaan dari seminggu yang lalu dari segi bacaan dan pengisian mereka dengan merujuk kepada ustaz-ustaz tempatan bagi dakwah yang akan mereka sampaikan nanti di sana.

Menurutnya, mereka akan menyampaikan dakwah selama lima minit dan dalam masa lima minit itu seharusnya diisi dengan pengisian yang padat.

Beliau menjelaskan, mereka akan sentiasa memegang falsafah Melayu Islam Beraja apabila berada di sana nanti di samping mengharumkan dan menjaga nama Brunei Darussalam serta berharap akan dapat menyampaikan dakwah yang boleh difahami dan diterima oleh orang ramai.



ENAM peserta wakil Negara Brunei Darussalam berlepas ke Republik Indonesia bagi menyertai Program Aksi, Akademi Sahur Indonesia.

Siti Maisarah juara Peraduan Mari Bercerita



DAYANG Siti Maisarah binti Mohammad Asnawi dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohd Jaafar Kiarong muncul juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara 2017 dengan membawakan cerita 'Kisah Penjual Topi'.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dayang Siti Maisarah binti Mohammad Asnawi dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohd Jaafar Kiarong dinobatkan sebagai juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara 2017 yang diadakan pada 18 Mei 2017 bertempat di Dewan Di Gadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Juara dengan membawakan cerita 'Kisah Penjual Topi' telah berjaya menambat hati para hakim yang sekali gus membawa pulang wang tunai BND600, hadiah iringan dan Sijil Penyertaan.

Seramai 169 peserta telah mengikuti Peraduan Mari Bercerita di keempat-empat daerah dan hanya 10 peserta telah berjaya meneruskan ke Peringkat Negara.

Setiap peserta dinilai dari tiga sudut iaitu Cerita, Bahasa dan Interpretasi. Hakim-hakim yang dilantik untuk menghakimi Peraduan Mari Bercerita Peringkat negara terdiri dari Pegawai Pelajaran Kanan Jabatan

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Awang Haji Abd Wahab; Pegawai Kanan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin dan Penolong Ketua Rancangan Radio II Radio Televisyen Brunei, Dayang Salmi binti Haji Ibrahim.

Para hakim masing-masing menghakimkan dari segi Sudut Cerita, Bahasa dan Interpretasi.

Peraduan ini dibukakan kepada kanak-kanak yang berumur 8 hingga 11 tahun pada 31 Mei 2017 dan

merupakan Ahli Perkhidmatan Perpustakaan DBP. Semasa pertandingan ini dijalankan, peserta dikehendaki menggunakan Bahasa Melayu Standard atau dialek Brunei atau dialek Kedayan yang mudah difahami penonton.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon yang juga selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

JUARA dengan membawakan cerita 'Kisah Penjual Topi' telah berjaya menambat hati para hakim yang sekali gus membawa pulang wang tunai BND600, hadiah iringan dan Sijil Penyertaan.

Seramai 169 peserta telah mengikuti Peraduan Mari Bercerita di keempat-empat daerah dan hanya 10 peserta telah berjaya meneruskan ke Peringkat Negara.